

# PEMILU 2014

Pilihan raya umum Indonesia (Pemilu) 2014 akan dilaksanakan dua kali. Pemilu Parlimen pada hari ini yang akan memilih para anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR).

Pemilu Presiden pada 9 Julai pula akan memilih Presiden dan Naib Presiden. Wartawan Berita Harian Mohd Nizam Ismail membentangkan.

SETIAP lima tahun sekali, rakyat Indonesia tertantikan masa untuk mereka meraikan demokrasi menerusi Pilihan Raya Umum atau lebih dikenali sebagai Pemilu.

Tahun ini, Pemilu akan sekali lagi diadakan iaitu pada 9 April ini bagi peringkat Parlimen sementara pada 9 Julai nanti pemilihan peringkat Presiden pula akan diadakan.

Pemilu merupakan medan untuk parti politik dan pemimpin-pemimpinnya memperlihatkan keupayaan mereka meraih undi dan sokongan masyarakat.

Parti pembangkang utama Indonesia, Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan (PDI-P) melonjak naik ekoran populariti Gabenor Jakarta, Joko Widodo atau Jokowi, sebagai calon pilihan raya Presiden parti itu.

Hasil tinjauan menempatkan parti pimpinan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, Parti Demokrat, tidak berada pada kedudukan tiga teratas.

Parti Golkar pula berada di tempat kedua dengan 17 peratus undi, manakala Parti Gerindra yang dipimpin bekas jeneral tentera, Prabowo Subianto, di tangga ketiga.

Berita Harian memaparkan infografik Pemilu 2014 sebagai panduan umum.

“Orang memilih Jokowi bukan kerana Jokowi dari PDI-P, sebaliknya orang memilih PDI-P kerana ada faktor Jokowi. Dan, orang memilih Jokowi kerana Jokowi, bukan faktor lain.”

– Malik Gismar, pakar psikologi politik.

## Tinjauan terbaru Saiful Mujani Research and Consulting (SMRC)

Nama calon presiden (capres) hanya difokuskan pada tiga nama utama; Jokowi (PDI-P), Prabowo Subianto (Gerindra) dan Aburizal Bakrie (Golkar). Jokowi dalam tinjauan ini mendapat 51.8%. Prabowo akan perolehi 22.5%, sementara Aburizal Bakrie pula akan raih 11.0%.





Foto: AFP & ST

## Perangkaan Umum

**185.8 juta**  
Pengundi

**545,791**  
Pusat mengundi

**33**  
Wilayah



## 12 parti peserta PEMILU 2014



### Parti Nasional Demokrat (Nasdem)

Sebuah parti berasaskan demokrasi nasional.

**Ketua:** Encik Surya Paloh  
**Ditubuhkan:** 26 Julai 2011



### Parti Kebangkitan Bangsa (PKB)

Parti yang ditubuhkan di kalangan kiai Nadhlatul Ulama

**Ketua:** Encik Muhaimin Iskandar  
**Ditubuhkan:** 23 Julai 1998



### Parti Keadilan Sejahtera (PKS)

Dikenali sebagai Parti Keadilan (PK) sebelumnya berasaskan politik Islam.

**Ketua:** Encik Anis Matta  
**Ditubuhkan:** 20 April 2002



### Parti PDI-Perjuangan Demokrasi Indonesia (PDI-P)

Dikaitkan dengan peristiwa 27 Julai 1996 dengan tampilnya Cik Megawati Sukarnoputri dalam kancah politik nasional.

**Ketua:** Cik Megawati Sukarnoputri (sejak 1999)  
**Ditubuhkan:** 1999



### Parti Golongan Karyawan (Golkar)

Pertama kali dibangunkan oleh mantan Presiden Sukarno dari Angkatan Tentera Darat bagi menandingi pengaruh Partai Komunis Indonesia dalam kehidupan politik.

**Ketua:** Ir. Aburizal Bakrie (sejak 2009)  
**Ditubuhkan:** 20 Oktober 1964



### Parti Gerakan Indonesia Raya (Gerindra)

Parti ini mengetengahkan Encik Prabowo Subianto selaku Ketua Dewan Pembina sebagai calon presiden.

**Ketua:** Prof Dr Ir Suhardi  
**Ditubuhkan:** 6 Februari 2008



### Parti Demokrat

Parti ini membawa Dr Susilo Bambang Yudhoyono yang ketika itu menjadi Menteri Penyelaras bidang Politik dan Keamanan di bawah Presiden Megawati bagi menjadi Presiden Indonesia.


**Ketua:** Dr Susilo Bambang Yudhoyono  
**Ditubuhkan:** 9 September 2001



### Parti Amanat Nasional (PAN)

PAN bertujuan menjunjung tinggi dan menegakkan kedaulatan rakyat, keadilan, kemajuan duniawi dan ukhrawi.


**Ketua:** Encik Hatta Rajasa  
**Ditubuhkan:** 23 Ogos 1998



### Parti Persatuan Pembangunan (PPP)

PPP menggabungkan empat parti keagamaan – Parti Nadhlatul Ulama (NU), Parti Serikat Islam Indonesia (PSII), Parti dan Parmusi.

**Ketua:** Encik Suryadharma Ali  
**Ditubuhkan:** 5 Januari 1973



### Parti Hati Nurani Rakyat (Hanura)

Dirintis oleh Wiranto bersama tokoh-tokoh nasional dalam pertemuan pada 2006.

**Ketua:** Encik H. Wiranto, SH  
**Ditubuhkan:** 14 November 2006



### Parti Bulan Bintang (PBB)

Sebuah parti politik yang berasaskan Islam

**Ketua:** Encik M.S. Kaban  
**Ditubuhkan:** 17 Julai 1998



### Parti Keadilan dan Persatuan Indonesia (PKPI)

Dahulu dikenali sebagai Parti Keadilan dan Persatuan (PKP) dengan melanjutkan cita-cita perjuangan kemerdekaan berdasarkan Pancasila.

**Ketua:** Encik Sutiyoso  
**Ditubuhkan:** 15 Januari 1999 (PKP), 9 September 2002 (PKPI)

### Tiga parti dibenarkan bertanding bagi wilayah Aceh:

1. Parti Damai Aceh (PDA)
2. Parti Nasional Aceh (PNA)
3. Parti Aceh (PA)

### DIJANGKA CALON PRESIDEN PEMILU 2014

Aburizal Bakrie

Anis Matta

Dahlan Iskan

Gita Wirjawan

Hary Tanoesoedibjo

Hatta Rajasa

Hayono Isman

Hidayat Nur Wahid

Joko Widodo (Jokowi)

Jusuf Kalla

Megawati Sukarnoputri

Prabowo Subianto

Ramono Edhie Wibowo

Rhoma Irama

Suryadharma Ali

Sutiyoso

Wiranto

Yusuf Isha Mahendra

## Calon parti akan merebut 20,389 kerusi berikut:

**560**

kerusi Dewan Perwakilan Rakyat (DPR)

**132**

kerusi Dewan Perwakilan Daerah (DPD)


**2,137**

kerusi Dewan Perwakilan Rakyat Daerah I (DPRD I)

**17,560**

kerusi Dewan Perwakilan Rakyat Daerah II (DPRD II)

## Hasil tinjauan parti-parti yang dijangka meraih peratusan undi tertinggi



Gambar ini menunjukkan tempat mengundi olok-olok, menjadi tempat latihan keselamatan menjelang pilihan raya di ibu pejabat polis Jakarta pada 7 April 2014. Indonesia, negara majoriti Muslim terbesar di dunia dengan 250 juta orang, mengadakan pilihan raya Parlimen hari ini dan akan memilih presiden baru pada Julai ini dengan 180 juta pengundi yang layak mengambil bahagian. – Foto AFP

## Keputusan pilihan raya parlimen dijadualkan pada 7-9 Mei.

• Pembahagian kerusi dijadualkan pada 11-17 Mei.

• Setiap parti harus mampu meraih 25 peratus undian popular nasional, atau menguasai 20 peratus kerusi dalam DPR, sebelum dibenarkan menawarkan calon presidennya.

• Jika syarat itu gagal dipenuhi, parti berkenaan dibenarkan membentuk pakatan dengan parti lain sehingga memenuhi syarat tersebut.

• Pilihan raya presiden pusingan pertama diadakan pada 9 Julai. Pusingan keduanya (jika perlu) dijadualkan pada September.



## Jadual

**16 Mac:**  
Kempen Pemilu bermula.

**6 – 8 April:**  
Hari Bertenang.

**9 April:**  
**Pilihan raya Parlimen**  
Sebanyak 545,791 pusat mengundi. Pengundian 7 pagi hingga 1 petang.

**26 April – 6 Mei:**  
Perkiraan ulangan Pemilu di peringkat nasional.

**7 – 9 Mei:**  
Keputusan pilihan raya Parlimen diumumkan.

Pembahagian kerusi DPR bermula. Suruhanjaya Pilihan Raya Umum (KPU) akan menentukannya berdasarkan parti yang berupaya memperoleh batas suara Parlimen minimum 3.5 peratus.

**11 – 18 Mei:**  
Pembahagian kerusi ditetapkan dan calon dipilih bagi Peringkat Nasional serta daerah.

**9 Julai:**  
**Pilihan Raya Presiden (pusingan pertama)**

• Setiap parti harus mampu meraih 25 peratus undian popular nasional, atau menguasai 20 peratus kerusi dalam DPR, sebelum dibenarkan menawarkan calon presidennya.

• Jika syarat itu gagal dipenuhi, parti berkenaan dibenarkan membentuk pakatan dengan parti lain sehingga memenuhi syarat tersebut.

**September:**  
**Pusingan kedua Pilihan raya Presiden (jika perlu)**

• Tempoh Presiden Ketujuh Indonesia, Dr Susilo Bambang Yudhoyono, tamat pada 20 Oktober ini.

• Setiap presiden dibenarkan berkhidmat selama dua penggal sahaja.



Foto AFP